

23/08/1998

Rahmat DEB

PELAKSANAAN Dasar Ekonomi Baru (DEB) ekoran tragedi 13 Mei 1969 mempunyai rahmat tersembunyi, yang mengukuhkan perpaduan kaum dan berjaya memacu Malaysia sebagai negara disegani masyarakat antarabangsa.

Malah, dasar serampang dua mata yang menekankan usaha pembasmian kemiskinan dan pengagihan kekayaan negara, membolehkan orang Melayu yang ketinggalan jauh pada satu ketika, duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan kaum lain.

Tokoh akademik, Prof Diraja Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Hamid, berkata dasar itu juga menjadi platform kukuh bagi pembangunan sosial, politik dan ekonomi negara.

"Ia adalah manfaat paling besar daripada kemerdekaan negara yang lahir daripada insiden hitam 13 Mei itu.

"Biar pun pahit dan hampir menggugat keutuhan rakyat ketika itu, insiden ini sebenarnya mencetuskan pelbagai dasar yang mengubah nasib rakyat Malaysia sehingga hari ini," katanya yang terbabit secara langsung dalam merancang dan melaksanakan DEB.

Ungku Aziz yang menjadi Naib Canselor Universiti Malaya (UM) ketika itu menambah, kalau dijumlahkan bilangannya, lebih sejuta anak Melayu mendapat peluang menikmati peluang melanjutkan pelajaran tinggi di dalam dan luar negara sejak DEB dilaksanakan.

Sebelum itu, katanya orang Melayu sukar melanjutkan pelajaran kerana British melaksanakan dasar pecah dan perintah, dengan meletakkan orang Melayu di desa serta diarahkan menumpukan pendidikan sastera dan agama.

"Dalam lapan tahun kajian di desa, orang Melayu hidup dalam kemiskinan dan tidak dapat memasuki dunia pelajaran tinggi khususnya dalam bidang sains seperti perubatan. Jika ada sekolah menengah pun, tiada makmal sains.

"Inggeris mengarahkan orang Melayu menumpukan pelajaran berbentuk sastera atau sosial dan agama, kerana tidak mahu kita bangkit menuntut kemerdekaan dan dasar itu berterusan sehingga 1960-an," katanya.

Dalam bidang pendidikan, katanya, antara langkah awal ialah memastikan subjek sains di sekolah menengah diperkenalkan dan diajar dalam bahasa Melayu serta sekolah aliran Inggeris ditukar kepada aliran Melayu.

Beliau menambah, di universiti pula diwujudkan pusat asasi sains untuk mengambil pelajar Melayu dan dipasak dengan ilmu yang tiada di sekolah.

"Hasilnya, kini kita melihat ramai doktor Melayu. Minda kita sebenarnya bagus tetapi British pandang rendah," katanya.

Ungku Aziz berkata, dalam bidang ekonomi pula, pelaburan dan pembangunan industri semakin berkembang hasil pelaksanaan dasar itu.

Sebab itulah pada penghujung 70-an, timbul gelaran Minah Kanan kerana wanita keluar bekerja di kilang, iaitu perubahan besar apabila mereka berhijrah bekerja di kawasan perkilangan.

Secara perlahan-lahan, katanya, negara berkembang pesat sehingga dalam tahun 80-an, Malaysia dua tiga kali menjadi negara terbanyak mengeluarkan komponen elektronik.

Menurutnya, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pula, membawa banyak idea dalam bidang perindustrian dan pembuatan sehingga pelaksanaan Koridor Raya Multimedia (MSC).

"Pemikiran orang Melayu berubah sejak 1970-an, daripada tidak membenarkan anak perempuan keluar bekerja kepada menggalakkan bekerja.

"Apabila ada peluang pekerjaan di bandar, mereka (wanita) pergi dan

jumlahnya jauh ramai berbanding pemindahan lelaki keluar dari desa," katanya.

Ungku Aziz yang pernah menganggotai Jawatan Rundingan Kebangsaan berkata, sebelum tragedi 13 Mei, pemimpin kurang memberi tumpuan kepada soal pembangunan kerana ketika itu sudah mencapai kemerdekaan dan mempunyai UM.

Tambahan pula pemimpin seperti Allahyarham Tun Razak Hussein dan Tun Dr Ismail Abdul Rahman menumpukan usaha meyakinkan kaum lain agar percaya kepada kerajaan.

"Sebelum 13 Mei, soal pembangunan tidak diberi tumpuan kerana merasakan satu hari nanti kedudukan orang Melayu akan diperbaiki, tanpa mengira setahun atau 20 tahun lagi sehingga tragedi itu berlaku.

"Dalam jawatankuasa itu kami bincang pelbagai perkara termasuk DEB dan saya adalah antara orang yang merangkanya berdasarkan kajian ekonomi desa yang saya buat," katanya.

Mengenai pencapaian dasar ekonomi itu, Ungku Aziz berkata ia sedikit sebanyak berjaya mengubah minda orang Melayu menjadi lebih terbuka untuk berjaya di bidang mencabar seperti keusahawanan selain memastikan mereka di kampung berupaya keluar daripada kancas kemiskinan.

"Sehingga hari ini, kita dapati secara perlahan-lahan golongan korporat ini memainkan peranan utama memacu ekonomi negara, satu perkara yang membanggakan.

"Ramai anak Melayu mampu memegang jawatan tinggi, sesuatu yang asing pada masa dahulu," katanya.

Bagaimanapun, katanya, pencapaian DEB dari segi pendidikan masih belum mencukupi dan banyak yang perlu dilakukan.

"Apa yang penting, kesedaran orang Melayu itu sendiri untuk berubah dan berusaha demi masa depan mereka sendiri. Mereka tidak boleh bersikap oportunist dengan terus mengharap bantuan dan diberi kekayaan itu tanpa berusaha sendiri," katanya.

Ditanya mengenai aspek pengisian kemerdekaan itu, Ungku Aziz berkata cabaran di era 1980-an dan 1990-an adalah lebih hebat berikutan penyerapan budaya luar yang mementingkan wang dan material.

Ini menyebabkan lahir masalah seperti 'ali baba' dan isu tanah rizab Melayu yang tidak berkesudahan.

"Ini semua kerana budaya Melayu sendiri yang agak asing kepada soal pengurusan wang. Malah, kita mengenali mata wang lebih lewat berbanding kaum Cina.

"Walaupun mengecapi kemewahan, orang Melayu juga antara yang ramai berhutang dan bergolok gadai kerana tidak bijak menguruskan wang. Oleh itu, pada pendapat saya, sudah tiba masanya aspek pengurusan wang itu diajar secara meluas kepada kaum ini," katanya.

Selain itu, katanya, keupayaan rakyat mengisi kemerdekaan negara juga membabitkan soal perpaduan kaum yang perlu dipertahankan sampai bila-bila.

Malah, katanya, ia turut menjadi tali yang mengikat kestabilan politik negara sehingga masyarakat antarabangsa.

"Malaysia sememangnya terserlah dalam soal perpaduan kaum ini, biarpun pada asalnya ia cuma satu dasar semata-mata.

"Kita berbangga dengan keupayaan ini yang pada hakikatnya memang sukar untuk dilaksanakan kerana setiap kaum itu ada latar belakang dan pendirian masing-masing. Tetapi yang unik di sini, kerajaan dan rakyat sudah faham peranan masing-masing dan ini yang membolehkan kita menumpukan perhatian ke bidang ekonomi," katanya.

Bagaimanapun, ini tidak bermakna rakyat perlu berpeluk tubuh di atas hubungan itu kerana ia perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Menurut Ungku Aziz, kerajaan juga perlu memberi tumpuan kepada soal membangunkan latihan tenaga mahir di kalangan rakyat bagi mengelak

pergantungan kepada pekerja asing.

"Suatu langkah tegas perlu ada seperti penyusunan dasar bagi memastikan minat terhadap bidang kemahiran ini dapat disemai dari peringkat seawalnya.

"Jika tidak, bila tiada minat timbul, sukar bagi mereka untuk terbabit dalam pasaran buruh itu kerana tidak tahu faedah yang bakal diperoleh," katanya.

(END)